

Tahun lalu 900 ribu ekar kawasan lombong baharu di-keluarkan termasuk untuk pengusaha bumiputra

HASIL BIJEH NEGERI PERAK MENINGKAT

12.4.68

PERAK menjadi sa-buah dari negeri2 yang kaya di-Malaysia Barat kerana hasil bijeh timah-nya.

Dua per tiga dari hasil timah negeri ini ada-lah dari bumi negeri tersebut.

Pengeluaran bijeh timah negeri itu makin bertambah dari tahun ka-tahun hingga pada tahun lalu hasil-nya hampir kepada 55,000 tan.

Dengan pengeluaran yang pesat itu, Malaysia menduduki tempat ketiga dalam senarai negara2 pengeluaran bijeh dunia.

Pengeluaran bijeh timah negeri itu di-jangka akan bertambah lagi tahun ini.

Di-pantai

Ini la-lah kerana adanya beberapa kawasan yang luas telah di-temui mengandungi bijeh timah.

Dalam tahun lalu sahaja 900,000 ekar telah di-keluarkan kepada pelombong2 bijeh timah di-Hilir Perak.

Usaha2 juga telah di-jalankan bagi menyalas hasil bijeh di-pantai negeri tersebut sejak beberapa tahun sa-belum ini.

Sa-buah sharikat luar

yang mempunyai pengalaman menyalas hasil logam itu telah di-serahkan mengendalikannya usaha tersebut.

Bijeh timah mula di-ketahui ada di-negeri Perak kira2 dalam tahun 1820.

Penemuan bijeh timah di-negeri itu sa-bera kebetulan pula gajah Menteri Larut (Dato Ngah Ibrahim) lari ka-tuan Kemunting dekat Taiping.

Terlekat

Bila gajah itu di-temui dekat Kelian Pauh, di-badan-nya terlekat tanah2 yang mengandungi bijeh timah.

Penemuan ini di-tuuti dengan usaha menyalas kawasan tersebut oleh orang2 Menteri Larut sendiri.

Dan dalam tahun2 berikut-nya per-usahaan melombong sa-chara ke-chilzan telah di-lakukan di-situ.

Sa-hingga tahun 1855, daerah Larut ada-lah lembah yang terbanyak sekali mengeluarakan bijeh di-Perak.

Usaha melombong makin di-pesatkan lagi dengan chara2 yang baru dan dengan tenaga2 yang besar dari orang China.

Kerajaan British yang ketika itu menaongkan Perak telah memberi perlindungan kepada perusahaan tersebut.

Sa-belum itu beberapa pergadahan antara suku2 kaum China yang melombong bijeh telah ber-

laku di-Larut kerana merembut kawasan yang banyak terdapat hasil logam itu.

Satu pernyataan yang tidak boleh di-nafikan la-lah bahawa negeri Perak telah maju kerana hasil bijeh timah-nya.

Bandar2 Taiping, Kuala Kangsar atau Ipoh ada-lah berkembang dan maju kerana perniagaan2 bijeh timah sejak 100 tahun dulu.

Per-usahaan melombong bijeh timah yang terdapat di-sekitar bandar2 itu telah memberikan nafas kepada penduduk-pnya sejak ia di-buka hinggga sekarang.

Perubahan melombong bijeh timah juga telah mendorongkan banyak daerah2 di-Perak di-buka seperti Kinta, Larut dan lain2.

Sejarah

Sa-bagai negeri yang banyak sekali mengeluarkan bijeh timah di-Malaysia ini, Perak memenipoh sejarah2-nya dengan pergolakan perusahaan bijeh timah.

Sa-baik2 sahaja usaha mendapatkan bijeh timah di-ketahui mendatang unton di-Larut oleh orang2 Menteri Larut, maka saudagar2 China di-Taiping pun mula-lah menchari bijeh.

Mereka be-ke-on-gsi membuat lombong2 kecil dengan menggali lobang dan mengeluarkan tanah yang mengandungi bijeh itu untuk di-amal bijeh-nya.

Dalam tahun permulaan perusahaan bijeh di-Perak hasil-nya hanya kira2 5,000 pikul sahaja sa-tahun.

Hasil tersebut bertamabah menjadi 8,500 pikul dalam tahun 1839 dan terus meningkat hingga hampir 15,000 pikul kira2 30 tahun kemudian.

Dalam tahun2 1880 perusahaan bijeh di-Perak rata2 di-kendalikan oleh orang2 China dan Bumiputra.

Peranchis

Hanya dalam tahun 1882 baru-jah sa-buah sharikat lombong Peranchis di-tubuhkan dan kemudian di-susuli pula oleh beberapa buah sharikat British.

Sharikat2 lombong Peranchis dan British telah memperkenalkan alat2 melombong yang moden seperti kapal2 korek dan jentera pam menyembur tanah.

Begitu pun chara2 melombong yang sering di-gunakan la-lah dengan menggunakan dulang.

Dalam tahun 1910 hingga tahun 1915, perusahaan lombong bijeh timah telah menjadi hasil utama bagi negeri Perak.

Dan dalam tahun2 berikut-nya, kawasan baru di-temui pula di-Kinta dan usaha melombong di-daerah ini di-jalankan sa-chara besar2an. Perusahaan lombong



12.4.68

Kapal korek bijeh.

sharikat Eropah di-negeri itu telah mengeluarakan lebih dari peratus hasil bijeh Perak.

Dengan melombong-nya harga bijeh timah sejak tahun 1870, perusahaan bijeh timah di-Perak makin banyak mengeluarkan hasil-nya.

Sharikat2 Eropah yang mula-nya menjalankan perusahaan melombong bijeh timah sa-chara ke-chilzan itu telah menambah lagi modal-nya dan membuka lebih banyak lombong2.

Saudagar2 China juga tidak berdam diri untuk mendapatkan hasil bijeh timah yang makin di-perlukan itu.

Mereka menggunakan alat2 lombong yang terbaharu seperti jentera2 pemancut ayer untuk melombong. Chara2 melombong yang lambat mendatangkan hasil di-tinggalkan dan usaha2 yang giat di-teruskan tanpa memperhitungkan tenaga.

Hasil2 dari tenaga yang di-churahkan itu, lombong2 telah mendapat

kanntongan yang berlipat2 ganda dan dari ke-untungan itu-lah mereka membena gedong2 besar jalan2 raya yang baik menghubungkan bandar ka-kawasan2 melombong itu.

Jalan2 raya ini-lah kemudian-nya yang menjadi perhubungan di-negeri Perak hingga sekarang.

Terutama

Perusahaan melombong bijeh timah telah menjadi tulang belakang ekonomi negeri Perak. Hingga sekarang perusahaan melombong bijeh timah sa-chara ke-chilzan itu telah menambah lagi modal-nya dan membuka lebih banyak lombong2.

Mereka menggunakan alat2 lombong yang terbaharu seperti jentera2 pemancut ayer untuk melombong. Chara2 melombong yang lambat mendatangkan hasil di-tinggalkan dan usaha2 yang giat di-teruskan tanpa memperhitungkan tenaga.

Hasil2 dari tenaga yang di-churahkan itu, lombong2 telah mendapat

bar2 mengatakan bahawa hasil bijeh timah akan berkurangan di-negeri ini dalam beberapa tahun akan datang, tetapi dari kenyataannya hasil pengeluaran bijeh terus juga bertambah.

Tahun lalu pengeluaran bijeh Malaysia berjumlah hampir 712,500 tan dan pada tahun ini bertambah kepada lebih 720,000 tan. Dua-pertiga dari hasil bijeh itu datang dari negeri Perak.

Meski pun kawasan2 yang mengandungi bijeh di-Perak sekarang telah banyak di-buka, namun usaha2 menchari kawasan2 baru terus juga di-jalankan.

Kerajaan Perak melalui Kerajaan Pusat telah mengundangi pakar2 dan sharikat dari luar negeri untuk menyalas hasil bijeh di-negeri itu.

Kajian untuk menchari bijeh di-kawasan khas orang2 Melayu juga telah di-jalan di-Perak sejak tahun 1964.

Sa-kurang2-nya 10 kawasan khas Melayu di-negeri itu di-ketahui me-

Oleh
ABDUL
MUES
JABAL

ngandungi bijeh dan usaha2 untuk melombong kawasan tersebut telah di-ranchangkan.

Kerajaan Perak telah mengambil ketetapan untuk memberikan kesempatan kepada Bumiputra yang mempunyai tanah yang mengandungi bijeh supaya mengusahakan lombong2.

Pada akhir tahun 1964 sa-buah sharikat bersama Bumiputra telah di-tubuhkan di-Perak dimana satu kawasan sahaja 100 ekar di-Kampar yang mengandungi banyak bijeh timah di-perolehi.

Sharikat asing yang berurusan dengan Bumiputra itu la-lah South-ern Tin Dredging. Pada tahun 1965 usaha2 menchari kawasan baru di-kawasan khas Melayu di-teruskan lagi di-Perak.

Sa-banyak 25 kawasan yang mengandungi beratus2 ekar tanah telah di-tenaikan dalam usaha tersebut.

Nasehat2

Sa-takat ini beberapa buah dari kawasan khas itu telah di-shahkan mengandungi bijeh timah dan sharikat2 Bumiputra yang berkenaan telah pun membuat perjanjian melombong di-situ.

Untuk memajukan perusahaan melombong Bumiputra Kerajaan Pusat dengan Kerjasama pelombong Bumiputra sendiri telah menubuhkan satu badan penasehat khas timah lama dulu.

Badan ini akan memberi nasehat2 bagaimana chara2 melombong dan juga menghubungkan mereka dengan saudagar2 bijeh tempatan dan luar negeri.

Dengan terbukti-nya penyalasan sa-buah sharikat Eropah menyalas bijeh timah di-pantai tiga buah negeri di-Malaysia Barat termasuk Perak tidak lama lagi, hasil bijeh negeri ini terus meningkat lagi.

Ada-lah menjadi harapan negeri Perak sekarang untuk terus mengeluarkan bijeh yang sa-banyak2-nya bagi menenohi keperluan dunia.